SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN RASMI

MAKLUMAN JUMLAH PEMILIH YANG LAYAK MENGUNDI BAGI PILIHAN RAYA PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy) 2026

1. Jumlah keseluruhan ahli berdaftar PBMy adalah seramai 140,461 orang.

2. Berdasarkan proses pengesahan dan semakan kelayakan yang telah dilaksanakan, jumlah pemilih yang layak mengundi bagi Pilihan Raya Parlimen Belia Malaysia (PBMy) 2026 melalui aplikasi ePBMy secara rasminya adalah seramai 45,171 orang.

3. Kelayakan mengundi adalah tertakluk kepada dua (2) syarat utama, iaitu:

    i. Ahli telah melengkapkan proses pendaftaran dengan membuat pengesahan profil melalui aplikasi ePBMy; dan

    ii. Ahli memenuhi syarat kelayakan mengundi yang ditetapkan serta telah melalui proses pengesahan identiti dan kelayakan berdasarkan semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

4. Sehubungan itu, hanya ahli yang telah memenuhi kedua-dua syarat tersebut disenaraikan sebagai pemilih yang layak untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian Pilihan Raya PBMy 2026.

5. Daripada keseluruhan 45,171 orang pemilih yang layak mengundi, pecahan pemilih mengikut jantina adalah seperti berikut:

Bil.	Jantina	Jumlah Pemilih	Peratus (%)
1.	Lelaki	24,418	54.05
2.	Perempuan	20,753	45.95
	JUMLAH	**45,171**	**100.00**

6. Berdasarkan statistik pemilih yang layak mengundi, pecahan mengikut kategori kaum adalah seperti berikut:

Bil.	Kaum	Jumlah Pemilih	Peratus (%)
1.	Melayu	29,970	66.35
2.	Cina	4,635	10.26
3.	India	2,889	6.39
4.	Bumiputera Sabah	3,118	6.90
5.	Bumiputera Sarawak	899	1.99
6.	Bumiputera Semenanjung	186	0.41
7.	Lain-lain / Others	3,474	7.69
	JUMLAH KESELURUHAN	**45,171**	**100.00**

7. Bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai taburan pemilih yang layak mengundi, berikut merupakan pecahan jumlah pemilih mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan berdasarkan rekod kelayakan dalam aplikasi ePBMy:

Bil.	Negeri / Wilayah Persekutuan	Jumlah Pemilih Layak
1.	Perlis	592
2.	Kedah	2,786
3.	Kelantan	3,266
4.	Terengganu	1,863
5.	Pulau Pinang	2,368
6.	Perak	4,544
7.	Pahang	1,921
8.	Selangor	6,588
9.	WilayahPersekutuan Kuala Lumpur	1,543
10.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	283

11.	Negeri Sembilan	2,019
12.	Melaka	2,991
13.	Johor	3,814
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	269
15.	Sabah	6,876
16.	Sarawak	3,448
	JUMLAH KESELURUHAN	**45,171**

8. Sekretariat Parlimen Belia Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli atas kerjasama yang diberikan dalam melengkapkan proses pendaftaran serta pengesahan profil. Kerjasama ini amat penting bagi memastikan pelaksanaan Pilihan Raya PBMy 2026 dapat berlangsung secara teratur dan mengikut ketetapan yang telah ditetapkan.

9. Sekretariat PBMy komited untuk memastikan pelaksanaan Pilihan Raya Parlimen Belia Malaysia 2026 berjalan dengan lancar, telus dan berintegriti, selaras dengan matlamat memperkukuh penyertaan serta penglibatan golongan belia dalam proses demokrasi negara.

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA
31 OKTOBER 2026